



**SIARAN MEDIA  
KEMENTERIAN KEWANGAN**

---

**8.5 JUTA BAKAL MENERIMA SUMBANGAN TUNAI RAHMAH (STR)  
FASA 2 SEBELUM AIDILFITRI**

---

Kerajaan akan mula menyalurkan **pembayaran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa 2 mulai 24 Mac 2025 ( Isnin)** dengan peruntukan sebanyak RM1.7 bilion berbanding RM1.5 bilion pada tahun lepas<sup>1</sup>. Bagi STR Fasa 2, hampir 9 juta penerima yang terdiri daripada 60% rakyat dewasa Malaysia bakal mendapat **bantuan sehingga RM650**.

“Kerajaan MADANI kekal peka akan keperluan golongan terbanyak dalam mengharungi beban kos sara hidup, lebih-lebih lagi menjelang Hari Raya Aidilfitri. Peningkatan peruntukan STR dan SARA pada tahun 2025 sebanyak RM3 bilion atau 30% kepada RM13 bilion adalah ikhtiar untuk meningkatkan martabat hidup rakyat secara saksama,” kata YAB Dato’ Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Penerima sedia ada dan penerima baharu yang berdaftar di dalam pangkalan data STR akan menerima **pembayaran STR Fasa 2** melalui pengkreditan ke dalam **akaun bank** atau disalurkan **secara tunai** melalui Bank Simpanan Nasional (BSN) **secara berperingkat<sup>2</sup>** **mengikut kategori kelayakan STR masing-masing<sup>3</sup>**.

Pendekatan terkini Kerajaan adalah membuka **pendaftaran STR 2025 sepanjang tahun** bagi memberi ruang kepada lebih ramai rakyat mendapat manfaat daripada bantuan Kerajaan. Sekiranya nama pemohon tiada dalam pangkalan data STR, mereka perlu membuat permohonan bagi membolehkan proses verifikasi mengikut kategori kelayakan STR dimuktamadkan.

Semakan status kelayakan STR dan soalan lazim (FAQ) boleh didapati di Portal Rasmi STR, melalui pautan <https://bantuantunai.hasil.gov.my>.

**Kementerian Kewangan**

Putrajaya

21 Mac 2025

<sup>1</sup>Sila rujuk Jadual di Lampiran

<sup>2</sup>Sila rujuk Jadual di Lampiran

<sup>3</sup>Sila rujuk Jadual di Lampiran

## Lampiran

### **1. Perbandingan pembayaran STR Fasa 2 tahun 2023-2025 seperti berikut:**

	<b>STR 2023</b>	<b>STR 2024</b>	<b>STR 2025</b>
<b>Kategori Penerima</b>	<b>RM bilion</b>	<b>RM bilion</b>	<b>RM bilion</b>
Isi Rumah (≤ RM2,500)	0.6 bilion	0.9 bilion	0.9 bilion
Isi Rumah (RM2,501-RM5,000)	0.2 bilion	0.1 bilion	0.1 bilion
Warga Emas Tiada Pasangan	0.11 bilion	0.2 bilion	0.2 bilion
Bujang	0.35 bilion	0.3 bilion	0.5 bilion
<b>JUMLAH</b>	<b>RM1.26 bilion</b>	<b>RM1.5 bilion</b>	<b>RM1.7 billion</b>

### **2. Pembayaran STR Fasa 2 akan disalurkan secara berperingkat seperti berikut:**

<b>Jenis Penerima</b>	<b>Tarikh Pembayaran</b>	<b>Kaedah Pembayaran</b>
Mempunyai akaun bank	Mulai 24 Mac 2025 (Iasnin)	Dikreditkan terus ke dalam akaun bank.
Tiada akaun bank (termasuk di Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan)		Pembayaran secara tunai melalui cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN).

### **3. Pembayaran STR Fasa 2 mengikut kategori kelayakan masing-masing seperti berikut:**

<b>Kategori Penerima</b>	<b>Kadar Bayaran STR Fasa 2</b>
Isi Rumah (≤ RM2,500)	RM150 - RM650
Isi Rumah (RM2,501-RM5,000)	RM100 - RM300
Warga Emas Tiada Pasangan	RM150
Bujang	RM150

<sup>1</sup>Sila rujuk Jadual di Lampiran

<sup>2</sup>Sila rujuk Jadual di Lampiran

<sup>3</sup>Sila rujuk Jadual di Lampiran